



KENYATAAN MEDIA SAMBUTAN HARI STATISTIK NEGARA (HSN) 2023

SABAK BERNAM, 20 OKTOBER 2023 – YBhg. Dato' Nor Azmie bin Diron, Ketua Setiausaha, Kementerian Ekonomi, mewakili YB Rafizi Ramli, Menteri Ekonomi telah merasmikan Sambutan Hari Statistik Negara (HSN) di Stadium Sungai Besar pada hari ini. Majlis perasmian ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan, Jabatan Perangkaan Malaysia, pegawai-pegawai kanan agensi kerajaan negeri, wakil-wakil agensi kerajaan lain serta komuniti penduduk Sabak Bernam.

Sambutan Hari Statistik Negara yang disambut setiap tahun adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang pentingnya statistik dalam kehidupan masyarakat dan negara. Selain itu, sambutan Hari Statistik Negara memberi ruang kepada masyarakat untuk melihat keunikan dan kesenian statistik dengan melibatkan diri dalam aktiviti yang dianjurkan oleh DOSM.

Pelaksanaan Hari Statsitik Negara ini selaras dengan saranan United Nations Statistical Commission (UNSC) supaya setiap negara menganjurkan Hari Statistik sama ada di peringkat negara atau peringkat serantau. Terdahulu, United Nations General Assembly (UNGA) kali ke-64 telah mengisytiharkan Hari Statistik Sedunia disambut buat julung kalinya pada 20 Oktober 2010.

Manakala, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) selaku penjana statistik rasmi negara melalui persetujuan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 September 2017 supaya Hari Statistik Negara disambut pada 20 Oktober setiap tahun. Ini membuktikan bahawa Kerajaan menghargai dan mengiktiraf peranan dan sumbangan ahli statistik di Malaysia terutamnya DOSM. Peranan ini akan diteruskan bagi memastikan penggubal dasar dapat merangka polisi dan menganalisis keberkesanannya berdasarkan statistik yang komprehensif dan terperinci.

Justeru, Hari Statistik Negara ini bakal diraikan oleh segenap lapisan masyarakat tak kira bangsa, peringkat umur, pekerjaan mahupun status dalam masyarakat. Disamping itu, pembekal dan pengguna statistik seperti agensi kerajaan dan swasta;

institusi pendidikan, komuniti perniagaan, individu serta para penyelidik juga sama-sama akan menyambut Hari Statistik Negara kerana statistik adalah “keperluan” setiap individu. Ia selaras dengan tema HSN 2023 iaitu “Statistik Nadi Kehidupan”.

Selaras dengan sambutan Hari Statistik Negara pada tahun ini, DOSM bersama agensi pengamal statistik lain telah menyusun pelbagai program dan aktiviti di peringkat negeri sehingga kepada komuniti di daerah. Antara program dan aktiviti yang telah dirancang adalah Persidangan Statistik ke-10, Malaysia Data Innovation Talent x DOSM Datathon 2023, Debat Statistik, Stats Prihatin, Stats Fit, Stats Kuiz, Sesi Literasi Statistik bersama Institut Pengajian Tinggi (IPT), Forum bersama Pemain Industri dan Forum Perdana Ehwal Islam.

DOSM turut berusaha untuk menyampaikan perkhidmatan statistik yang terbaik. Pelbagai laporan bulanan, suku tahunan, dan tahunan yang merangkumi statistik ekonomi, sosial, dan alam sekitar dikeluarkan oleh DOSM seperti berikut:

| | | | | | |
|---|-----------------------|-------------------------------|-----------------------|------------------------|------------------------|
| Jumlah Penerbitan (sehingga 20 Oktober 2023) | Bulanan 173 | Suku Tahunan 55 | Tahunan 129 | Ad hoc 827 | Jumlah 1,184 |
| Jumlah Penerbitan mengikut Kategori | Ekonomi 240 | Sosial 908 | Umum 36 | Jumlah 1,184 | |

| | | | | | |
|--|-----------------------|-------------------------------|----------------------|----------------------|----------------------|
| Jumlah Stats Alert (sehingga 20 Oktober 2023) | Bulanan 125 | Suku Tahunan 49 | Tahunan 43 | Ad hoc 6 | Jumlah 223 |
| Jumlah Penerbitan mengikut Kategori | Ekonomi 156 | Sosial 47 | Umum 20 | Jumlah 223 | |

Selain itu, DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>. Portal ini telah mencapai 1 juta views pada hari ini sejak dilancarkan pada 12 Januari 2023. Semoga portal ini terus memberikan manfaat statistik kepada semua.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
20 OKTOBER 2023**